

25/07/1997

Kedaulatan Asean perlu dipertahan: PM (HL)

r; Jamhariah Jaafar; Noreha Md Ripin; Abdul Hamid; Faizal Fadzil  
PETALING JAYA, Khamis - Asean mesti mempertahankan kedaulatannya dalam membuat keputusan berhubung hal ehwal membabitkan gagasan itu tanpa sebarang campur tangan luar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, dunia perlu menerima hakikat bahawa Asean mempunyai pengaruh politik domestik yang stabil dan mampu membantu terhadap pembangunan negara anggotanya. Untuk itu, sewajarnya, dunia mengalu-alukan kemasukan mana-mana negara yang layak menyertai pertubuhan itu.

"Suatu yang mengecewakan apabila ada pihak tidak dapat menerima hakikat. Mereka bukan menggalakkan Asean menerima semua negara Asia Tenggara menyertainya secepat mungkin, sebaliknya gagasan ini didesak membuat sesuatu penilaian, menolak keanggotaan dan mengenakan tekanan terhadap calon negara berpotensi.

"Tindakan itu hanya memaksa negara terbabit terus miskin dan akhirnya tidak stabil. Oleh itu, Asean mesti menolak cubaan memaksanya membuat sesuatu keputusan kerana itu bukan cara Asean," katanya.

Berucap merasmikan Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 di sini hari ini, Dr Mahathir berkata sebarang masalah pertubuhan itu akan diselesaikan mengikut cara dan masanya sendiri.

Apabila Asean membuat keputusan menerima kemasukan Myanmar, Laos dan Kemboja serentak pada 31 Mei lalu, masyarakat antarabangsa khususnya negara Barat menentang keputusan berkenaan kerana mendakwa pimpinan Myanmar melanggar hak asasi manusia di negara itu.

Katanya, Asean seperti juga negara lain di dunia inginkan keselamatan dan keamanan. Apa pun, ia tidak akan menjadi pakatan ketenteraan dalam usaha melindunginya, sebaliknya setiap negara anggota bebas mewujudkan perjanjian dua hala bagi keselamatan bersama.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berkata, mereka yang prihatin mengenai keselamatan rantau ini perlu menyokong konsep Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) dan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan) Asean.

Asean tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa dan jika ia menghadapi masalah dengan negara bukan anggota, menerusi perpaduan yang wujud, ia akan bersama-sama mencari penyelesaian di meja rundingan.

Menurutnya, Asean menghargai tawaran bantuan melindunginya tetapi setakat mana bantuan itu menjadi kenyataan. Ini kerana hakikatnya, banyak negara dibiarkan apabila mereka dalam kesusahan.

"Apa yang kita tahu, menarik balik bantuan ketenteraan menjadi keutamaan mereka sementara komitmen untuk melindungi hak asasi manusia tanpa batasan dan kedaulatan hanya tinggal janji.

"Kita ditinggalkan menghadapi masalah itu sendiri dan membayarnya dengan jiwa dan kekayaan kita. Hakikatnya, kita sebenarnya perlu berdiri di atas kaki sendiri," katanya.

Mengenai bidang ekonomi, Perdana Menteri menekankan kemakmuran ekonomi adalah jawapan kepada masalah keselamatan kerana dengan wujudnya kemakmuran, Asean akan dihormati dan diberi perhatian oleh masyarakat antarabangsa.

Sehingga kini, Asean adalah satu-satunya organisasi yang mempunyai forum bagi menangani sebarang masalah yang berpotensi mengancam keselamatan serantau. Berdasarkan alasan itu, dalam sebarang mesyuarat Menteri Luar Asean, ia pasti disertai dialog dengan kuasa ekonomi dunia.

"Ini kerana kekuatan ketenteraan mungkin mampu menimbulkan ketakutan

tetapi ia akan mengakibatkan perlumbaan senjata yang mahal harganya dan hanya mengayakan pengeluar dan peniaga senjata.

"Sebaliknya, kekuatan ekonomi mewujudkan penghormatan tetapi pada harga yang lebih murah dan pada masa yang sama, keuntungannya akan kekal bersama kita," katanya.

Mengenai penyertaan negara baru Asean, Myanmar dan Laos, Perdana Menteri berkata, gagasan itu harus menggunakan formula Asean bagi membantu mereka.

"Saya percaya wujud formula Asean untuk berjaya, jika tidak bagaimana kita menjelaskan mengapa setiap negara Asean berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mewujudkan kestabilan politik." katanya.